

14/07/2001

Pulau Pinang giat pikat pelabur

Norfatimah Ahmad

ANGKA tunjuk utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada minggu pertama bulan ini mencatatkan peningkatan bagi empat sesi dagangan berturut-turut, kesan kemasukan modal asing.

Pada asas mingguan pula, Indeks Komposit naik 33.82 mata atau 5.7 peratus untuk ditutup pada 626.81, manakala Indeks Emas menokok 6.43 mata atau 4.5 peratus bagi mengakhiri minggu pertama Julai pada 148.72 dalam dagangan cergas iaitu melebihi tahap 370 juta saham bagi dua sesi dagangan.

Jika diteliti, rumusan yang dirangka menampakkan kemajuan dalam bidang ekonomi negara secara keseluruhan dan kunci utamanya didukung hasil sumbangan pelabur asing yang bagaikan terpanggil untuk kembali beroperasi di negara ini.

Sekali gus, Pulau Pinang sebagai negeri industri yang mula menapak untuk mencipta nama sejak 30 tahun lalu juga tidak ketinggalan terbabit dalam perkembangan terkini ke arah meningkatkan sumber pendapatan negara.

Situasi yang dialu-alukan ini, tidak dinafikan berikutan lonjakan jumlah jualan sektor pembuatan Amerika Syarikat pada Jun lalu dan semestinya keadaan itu dianggap positif untuk Malaysia dan Pulau Pinang khususnya, kerana kuasa besar dunia itu mewakili 20 peratus daripada jumlah eksport negara.

Yang pasti, kepemimpinan Pulau Pinang yang dinaungi Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas, tidak pernah leka daripada terus meninjau dan memantau perkembangan ekonomi global dan rantau ini bagi memastikan Pulau Silikon yang dikenali dunia ini tidak ketinggalan dalam arus ekonomi. Ini juga hasil gandingan mantap pimpinan kerajaan negeri yang diterajui Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Abdul Rahman apda temu ramah menjelang pelantikannya pernah berkata, keupayaan negeri itu menarik kehadiran pelabur asing membuktikan ia memiliki asas perkilangan bertaraf dunia.

Beliau berpendapat, kunci utama pembangunan negeri itu adalah kestabilan politik, perpaduan rakyat dan kegigihan tenaga kerja, selain iklim pelaburan selesa untuk semua.

Berdasarkan keprihatinan itu juga, baru-baru ini, Koh mengumumkan pendirian kerajaan negeri untuk terus membuka ruang kepada pelabur asing dengan menawarkan suasana pelaburan tetap menarik.

Antaranya, menyediakan kemudahan selesa, kerangka perundangan kukuh, kerajaan stabil, cekap dan pro perniagaan serta tenaga kerja mahir yang menguasai bahasa Inggeris.

Selain itu, kadar tarif untuk penggunaan pelbagai utiliti seperti elektrik, telefon, air dan sewa tapak perniagaan yang masih kompetitif berbanding tempat lain, akan dikekalkan di Pulau Pinang.

Nyata sekali, tindakan berterusan yang dipamerkan kerajaan negeri turut diintai kepemimpinan Pusat hingga menarik perhatian Penasihat Majlis Tindakan Ekonomi Nasional (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed.

Tanggapan beliau nyata positif, malah yakin Pulau Pinang mampu terus membangunkan semula ekonominya di sebalik gejala pemberhentian pekerja sektor industri di negeri itu yang kini mencecah lebih 9,000 orang.

"Cabaran dan isu berkaitan pemberhentian pekerja yang dipikul Pulau Pinang memang dimaklumi kerajaan Pusat. Bagaimanapun, pemantauan yang dilakukan dari semasa ke semasa menunjukkan pelbagai langkah diatur kerajaan negeri bakal menghasilkan pulangan yang memberangsangkan,"

katanya.

Walau apa yang diperkatakan, ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai realiti ekonomi dunia tidak harus diketepikan, malah ia perlu sentiasa dijadikan teras dalam tindak tanduk atau keputusan yang dibuat untuk manfaat semua pihak, demi kemakmuran dan kestabilan negara untuk jangka panjang.

Dua perkara yang dianggap penting untuk diteliti adalah nasihat Perdana Menteri mengenai pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) yang akan bermula tahun depan.

Walaupun saranannya bersifat nasional dan serantau, Pulau Pinang sebagai negeri industri perlu menilai kepentingan kenyataan beliau dan bersedia untuk tidak diperalatkan negara bukan anggota rantau Asean menerusi mekanisme Afta.

Perdana Menteri berpendapat, tindakan negara yang mengikat perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala dengan negara bukan anggota adalah tindakan yang membimbangkan kerana ia boleh memberi kesan terhadap perkembangan ekonomi negara.

Satu lagi perkara yang ditekankannya sebagai Menteri Kewangan ialah pendirian Malaysia untuk tidak membenarkan firma gergasi asing menguasai syarikat tempatan atas nama globalisasi.

Kata beliau, Malaysia mengalu-alukan kedatangan pelabur asing terutama yang berkaitan pelaburan langsung asing (FDI), tetapi tindak-tanduk mereka tetap diperhatikan untuk mengelak penguasaan keterlaluan dalam syarikat tempatan.

Ketegasan Perdana Menteri juga boleh disifatkan sebagai usaha mengekalkan pemilikan rakyat tempatan supaya tidak terlepas ke tangan asing, kerana penjajahan tidak terhad kepada penguasaan fizikal.

Bagi memastikan ekonomi peringkat negeri tidak terganggu, program latihan sebagai langkah persediaan untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja, terutama pekerja industri yang diberhentikan menjadi tumpuan utama kerajaan Pulau Pinang.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pemulihan Ekonomi negeri, Datuk Dr Toh Kin Woon, berkata, asas teknologi maklumat, penguasaan bahasa Inggeris dan matematik antara kemahiran yang diberi perhatian dalam program latihan itu.

Laporan pada suku ketiga tahun ini mencatatkan keseluruhan tenaga kerja industri seramai 250,000 di negeri ini, berbanding lebih 9,000 terpaksa diberhentikan. Daripada jumlah itu, 7,820 adalah rakyat tempatan yang diberhentikan pada suku pertama tahun ini.

Walaupun mencatat jumlah pemberhentian pekerja industri tertinggi berbanding negeri lain di negara ini, Pulau Pinang dengan penduduk seramai 1.2 juta orang masih mampu bertahan dan terus berhati-hati dalam usaha mengukuhkan kedudukan di peta dunia.

(END)